

1980

KOTA PAHARU, 14 MAC (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YAKIN MALAYSIA TIDAK AKAN MENERIMA NASIB YANG SAMA DENGAN NEGARA-NEGARA YANG PADA SUATU KETIKA DULU BERPEGANG TEGUH KEPADA AJARAN ISLAM TETAPI KINI MENGANUTI FAHAMAN KOMUNIS.

KATANYA, MALAYSIA TIDAK MAHU DAN TIDAK AKAN MENGIKUTI JEJAK NEGARA-NEGARA SEPERTI AFGHANISTAN DAN YAMAN SELATAN.

+KITA PERNAH PADA SATU KETIKA BERJAYA MENUMPASKAN KOMUNIS DAN KITA AKAN TERUS MENUMPASKAN MEREKA+, TEGASNYA SEMASA BERUCAP MERASMIKAN KURSUS PEMIMPIN MASYARAKAT DI DEWAN SEKOLAH MENENGAH ISMAIL PUTERA DI SINI HARI INI.

MENTERI BESAR KELANTAN DATUK HAJI MOHAMAD YAACOB DAN TIMBALANNYA DATUK HAJU HUSSEIN AHMAD, MENTERI HAL EHWAL LUAR TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN DAN SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENERANGAN DATUK HAJI EMBONG YAHYA HADIR SAMA.

MENURUT BELIAU, UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU RAKYAT KHUSUSNYA YANG BERAGAMA ISLAM MESTILAH MENCAPAI SATU TARAF EKONOMI YANG BAIK DAN NEGARA MESTILAH KAYA RAYA AGAR TIDAK MEMINTA SEDEKAH DARI MANA-MANA KUASA BESAR.

KATANYA, MALAYSIA TIDAK MAHU MEMINTA SEDEKAH DARI SESIAPAPUN, BAIK RUSSIA MAHUPUN AMERIKA SYARIKAT KERANA KALAU MEMINTA SEDEKAH DENGAN RUSSIA LAMBAT LAUN MALAYSIA AKAN SENASIB DENGAN YAMAN SELATAN DAN AFGHANISTAN DAN KALAU MEMINTA SEDEKAH DENGAN AMERIKA LAMBAT LAUN MALAYSIA AKAN BERADA DI PAWAH TELUNJUK NEGARA ITU. --B  
BERSAMBUNG 1305/MD

BELIAU BERKATA ADALAH TIDAK MUSTAHIL SEBUAH NEGARA YANG PADA SATU KETIKA SANGAT KUAT BERPEGANG KEPADA AJARAN ISLAM BOLEH BERTUKAR MENJADI SEBUAH NEGARA YANG MENGANUTI FAHAMAN KOMUNIS MARXIST SEKIRANYA NEGARA ITU TERUS MUNDUR DAN RAKYATNYA TETAP DALAM KEMISKINAN.

BELIAU MEMBIDAS PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS YANG MENYEBARKAN KONSEP BERTENTANGAN SAMA SEKALI DENGAN AJARAN ISLAM BAHAWA PERPADUAN SERTA PERSAUDARAAN DAN KEKAYAAN UMAT ISLAM TIDAK PENTING KONONNYA KERANA I BELUM TENTU DAPAT MENADI BENTENG PERTAHANAN YANG KUAT MENENTANG KOMUNIS.

DR. MAHATHIR JUGA MEMBAYANGKAN KEHIMPANGANNYA DENGAN TREND SEUMPAMA ITU KERANA MENURUTNYA BUKANLAH SESUATU YANG MUSTAHIL ORANG YANG SELALU BERCAKAP TENTANG AGAMA BOLEH MENJADI KOMUNIS, ATAU BOLEH MENYEBABKAN RAKYAT JENERASI AKAN DATANG MENJADI KOMUNIS.

BERDASARKAN KEADAAN-KEADAAN YANG ADA ITU, BELIAU MENGULANGI KENYATAANNYA BAHAWA PAS ADALAH LEPIH MERPAHAYA DARI KOMUNIS.

TIMBALAN PERDANA MENTERI PERKATA, APA YANG DIAMALKAN OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS ADALAH JAUH BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM KERANA PAS MASIH TERUS MENGKAFIRKAN ORANG-ORANG ISLAM, MEMULAU SESAMA ISLAM, TIDAK MAHU BERJEMAAH ATAU MENYEMBAHAYANGKAN MAYAT BUKAN AHLI PAS DAN MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA MENGENEPIKAN TERUS KEKAYAAN DUNIA.

—BERSAMBUNG 1402/AH

1508

MAHATHIR - KOMUNIS 3 KOTA BAHARU

KATANYA KETAHANAN NASIONAL MESTI WUJUD DI KALANGAN MASYARAKAT AGAR MEREKA MEMPUYAI KEUPAYAAN UNTUK MEMPERTAHANKAN NEGARA DARI SEBARANG ANCAMAN DAN KEUPAYAAN ITU TIDAK MUNGKIN DAPAT DIWUJUDKAN SEKIRANYA RAKYAT DIBIARKAN MISKIN.

BELIAU MENYERU PARA PEMIMPIN MASYARAKAT SUPAYA MENYEMAIKAN NILAI-NILAI YANG BAIK BERTERASKAN AGAMA ISLAM DI KALANGAN RAKYAT AGAR GENERASI AKAN DATANG TIDAK MUDAH DIGUGAT OLEH MANA-MANA ANASIR YANG BERNIAT JAHAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DIBERIKAN SAMBUTAN PERMAIDANI MERAH SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG PENGKALAN CHEPA DEKAT SINI.

ROMBONGANNYA DISAMBUT OLEH MENTERI BESAR, DATUK HAJI MOHAMAD YAACOB, ISTERINYA DATIN NIK AZIZAH, MENTERI LUAR TENGGU AHMAD RITHAUDDIEN, TIMBALAN MENTERI BESAR, DATUK HAJI HUSSEIN AHMAD DAN SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENERANGAN, DATUK HAJI EMBONG YAHYA. —BERNAMA 1406/AH